

Jilid I  
Bil. 14



Hari Jumaat  
24hb Oktober, 1986

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 1813]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 1850]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S, S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemaian Tanah dan Kemaian Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJIAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (BATU PAHAT).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWANG (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* Ng Sing Sai (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).  
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).  
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).  
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).  
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* Shafain (Tanah Merah).  
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).  
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).  
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).  
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).  
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).  
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).  
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* James Jimbun anak Pungga (Kapit).  
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).  
 „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).  
 „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).  
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).  
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).  
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).  
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).  
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).  
 „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).  
 „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).  
 „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).  
 „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).  
 „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).  
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).  
 „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).  
 „ TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).  
 „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).  
 „ TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL BIN PANSAL (Kota Belud).  
 „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* Michael Asang (Jambongan).  
 „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).  
 „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).  
 „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).  
 „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).  
 „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).

- Yang Berhormat DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

- Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S.S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
  - „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
  - „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
  - „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
  - „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
  - „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
  - „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
  - „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
  - „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
  - „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
  - „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
  - „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
  - „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
  - „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
  - „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
  - „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
  - „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
  - „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 24hb Oktober, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00 ptg.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu" dibacakan pada kali yang kedua.

**Pendahuluan**

Semenjak saya membentangkan Belanjawan 1986 tahun lalu, kedudukan ekonomi negara telah menjadi lebih buruk disebabkan oleh perkembangan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan. Rakyat Malaysia yang begitu biasa dengan taraf hidup yang agak tinggi, sekarang ini perlu menerima hakikat bahawa keadaan ekonomi adalah amat mencabar. Harga-harga barangan utama telah turun dengan banyak. Kebanyakan

dari harga-harga ini tidak akan mencapai paras setinggi yang pernah diperolehi di tahun-tahun yang lalu. Oleh yang demikian, kita perlu mengambil langkah-langkah yang berani dan tegas untuk menghadapi cabaran-cabaran ini dan menyusun semula ekonomi negara. Sebahagian daripada langkah-langkah ini telah pun dilaksanakan, tetapi beberapa langkah baru perlu diambil untuk memulihkan semula ekonomi, dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negara. Setiap golongan rakyat mestilah bersedia untuk berkorban, demi memperkukuh dan memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menghuraikan prestasi ekonomi negara, saya akan terlebih dahulu menyentuh beberapa perkembangan dalam ekonomi antarabangsa yang mempunyai kesan besar ke atas negara kita.

**Ekonomi Antarabangsa**

Keadaan ekonomi antarabangsa kian tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi dunia masih tidak menggalakkan dan ini akan memberi kesan buruk kepada negara-negara membangun, termasuk Malaysia. Pertumbuhan sebenar di negara-negara perindustrian dijangka merosot kepada 2.8 peratus tahun ini berbanding dengan 3 peratus dalam tahun 1985.

Perdagangan dunia adalah amat penting bagi pertumbuhan negara-negara membangun. Pada tahun ini, perdagangan dunia dijangka

berkembang dengan sederhana, iaitu pada kadar 3.5 peratus. Kadar ini mungkin meningkat sedikit sahaja dalam tahun 1987. Selain dari itu, beberapa negara perindustrian akan terus mengalami defisit akaun semasa yang besar. Defisit yang besar ini serta kadar pengangguran yang tinggi telah mendorong negara-negara perindustrian meningkatkan perlindungan kepada industri-industri mereka yang lemah dan kurang cekap. Oleh itu, peluang negara-negara membangun untuk meningkatkan eksport mereka adalah amat terhad.

Negara-negara maju belum lagi mencapai persetujuan untuk menyelaraskan dasar-dasar ekonomi mereka bagi menggalakkan pertumbuhan dan meningkatkan perdagangan antarabangsa. Sekiranya beberapa buah negara tersebut tidak melaksanakan dasar yang berkesan untuk menggalakkan kegiatan ekonomi dalam negeri, pertumbuhan ekonomi mereka dijangka akan berada pada tahap yang sederhana sahaja dalam beberapa tahun yang akan datang.

Suasana ekonomi antarabangsa yang semakin buruk telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi hampir kesemua negara-negara membangun. Ekonomi negara-negara tersebut telah terjejas oleh kejatuhan harga minyak dan barangan-barangan utama yang lain, pengaliran masuk modal yang rendah, dan pertumbuhan perdagangan dunia yang perlahan. Negara-negara maju dijangka mendapat keuntungan lebih dari 70 ribu juta dolar Amerika berikutan dari kejatuhan harga minyak dan barangan utama. Walaupun jumlah eksport negara-negara membangun dijangka meningkat sebanyak 5.9 peratus dalam tahun 1986, nilai eksport negara-negara tersebut akan merosot sebanyak 8.2 peratus. Pada masa yang sama, harga import barang-barang

perkilangan semakin naik. Oleh itu, defisit akaun semasa negara-negara membangun dijangka meningkat dari 19 ribu juta dolar Amerika dalam tahun 1985 kepada 58 ribu juta dolar dalam tahun 1986. Ini bermakna defisit akaun semasa akan meningkat sebanyak 39 ribu juta dolar.

Kedudukan hutang luar negeri negara-negara membangun juga masih berada pada paras yang membimbangkan. Jumlah hutang meningkat dari 914 ribu juta dolar Amerika dalam tahun 1985 kepada 966 ribu juta dolar dalam tahun 1986. Nisbah khidmat hutang pula akan merosot dari 23 peratus dari eksport dalam tahun 1985 kepada 26 peratus pada tahun ini.

#### **Prestasi Ekonomi Malaysia dalam tahun 1986**

Seperti juga ekonomi negara-negara membangun yang lain, ekonomi Malaysia turut terjejas oleh perkembangan ekonomi antarabangsa. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat bahawa dalam Ucapan Belanjawan tahun 1986, saya telah meramalkan ekonomi negara akan berkembang sebanyak 5.2 peratus dalam tahun 1985. Malangnya, sektor luar negeri telah menjadi lebih lemah dari yang dijangkakan. Dengan itu, kadar Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK telah berkurangan sebanyak 1 peratus dalam tahun 1985. Kejatuhan pengeluaran dalam tahun 1985 disebabkan oleh kemerosotan besar dalam pengeluaran sektor perkilangan berikutan dari permintaan luar negeri yang lembap serta prestasi sektor pembinaan dan perlombongan yang tidak menggalakkan.

Bagi tahun 1986, KDNK sebenar dijangka tumbuh pada kadar 0.5 peratus sahaja. Dalam beberapa tahun yang akan datang, kita terpaksa bersedia untuk menghadapi pertumbuhan ekonomi yang rendah.

Harga-harga barangan utama kita telah jatuh ke paras yang paling rendah. Harga purata minyak mentah dijangka kira-kira 15 dollar Amerika setong dalam tahun 1986 berbanding dengan 28 dollar setong dalam tahun 1985. Harga minyak kelapa sawit juga, telah jatuh dengan banyaknya dan dijangka berada pada paras purata 470 ringgit se tan metrik dalam tahun 1986. Pada paras harga ini, pengeluaran-pengeluaran kelapa sawit, terutama sekali pekebun kecil, akan mengalami kerugian. Di antara barangan utama kita, hanya harga getah sahaja yang masih berada pada paras yang memuaskan. Berikutan dari kemerosotan pendapatan eksport barangan utama, pendapatan eksport negara dijangka berkurangan sebanyak 5,900 juta ringgit dalam tahun 1986.

Keluaran Negara Kasar atau KNK dalam harga semasa akan jatuh sebanyak 8.1 peratus dalam tahun 1986 setelah turun sebanyak 3.2 peratus dalam tahun 1985. Ini disebabkan oleh kemerosotan dalam pendapatan dari eksport. Dengan itu, pendapatan per kapita dijangka turun sebanyak 15.7 peratus kepada 4,094 ringgit. Sekiranya pendapatan per kapita ini dinilai dalam matawang dollar Amerika, ianya telah merosot sebanyak 23 peratus, atau dari 2,067 dollar Amerika kepada 1,587 dollar. Jika dinilai dalam matawang Yen, kemerosotan ini adalah lebih ketara lagi, iaitu sebanyak 46 peratus iaitu dari 490,700 yen kepada 267,600 yen. Apa yang menyedihkan kita ialah, walaupun pengeluaran bertambah, perolehan daripada eksport semakin rendah.

Kemerosotan dalam pendapatan eksport juga akan menyebabkan defisit akaun semasa Imbangan Pembayaran yang lebih besar, iaitu 3,237 juta ringgit berbanding dengan 1,795 juta ringgit dalam tahun 1985. Jumlah defisit ini merupakan 4.9

peratus dari KNK berbanding dengan 2.5 peratus pada tahun lepas. Import telah berkurangan berikutan dari pertumbuhan ekonomi yang perlahan serta tindakan-tindakan tegas yang diambil sejak tahun 1982 untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Walau bagaimanapun, pengurangan import adalah lebih kecil berbanding dengan kejatuhan nilai eksport. Ini telah membawa kepada defisit akaun semasa yang lebih besar dalam tahun 1986.

Tuan Yang diPertua, kadar inflasi di negara kita adalah rendah. Dalam tahun 1986 ia dijangka hanya 1 peratus sahaja. Oleh sebab kegiatan ekonomi yang lembap, kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 8.7 peratus berbanding dengan 7.6 peratus dalam tahun 1985.

#### **Kedudukan Kewangan Sektor Awam**

Kejatuhan pendapatan eksport dan juga pendapatan negara akan menjejaskan hasil Kerajaan. Dalam tahun 1986, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan sebanyak 2 ribu juta ringgit. Selaras dengan kejatuhan tersebut, Kerajaan telah mengurangkan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak 1.4 ribu juta ringgit. Tetapi, potongan ini adalah tidak mencukupi untuk merapatkan jurang antara hasil dengan perbelanjaan. Oleh itu, akaun semasa belanjawan akan mengalami defisit sebanyak 1.3 ribu juta ringgit dalam tahun 1986.

Walaupun usaha-usaha gigih telah diambil semenjak tahun 1982 untuk mengurangkan perbelanjaan, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat dari 5.7 ribu juta ringgit dalam tahun 1985 kepada 8.1 ribu juta ringgit dalam tahun 1986. Kedudukan kewangan Sektor Awam yang meliputi Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri serta Perusahaan Awam

Bukan Kewangan atau PABK, juga dijangka merosot. Defisit keseluruhannya dianggarkan meningkat dari 7.5 ribu juta ringgit, atau 10.5 peratus dari KNK dalam tahun 1985, kepada 12.5 ribu juta ringgit, atau 19 peratus dari KNK dalam tahun 1986.

Defisit yang besar menggambarkan kedudukan tidak seimbang di antara sumber kewangan dan perbelanjaan. Memandangkan defisit ini, kita terpaksa terus meminjam dari sumber-sumber dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, pinjaman dari sumber dalam negeri akan dibuat dengan lebih berhati-hati supaya tidak menjejaskan sumber modal yang diperlukan oleh pihak swasta. Kerajaan juga akan mengawal pinjaman luar negeri memandangkan jumlah pinjaman luar sektor awam adalah tinggi, iaitu sebanyak 40 ribu juta ringgit.

### Strategi Belanjawan 1987

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah ekonomi yang kita hadapi memerlukan masa untuk diatasi. Yang paling penting ialah bagi kita menentukan arah haluan yang harus diambil dalam beberapa tahun ini untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan sederhana dan stabil. Selaras dengan hasrat ini, Strategi Belanjawan tahun 1987 bertujuan untuk:

- (i) Mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan memperkukuhkan kedudukan kewangan negara;
- (ii) Menggalakkan pertumbuhan eksport, serta mengurangkan import untuk memperbaiki Imbangan Pembayaran; dan
- (iii) Memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta.

### Langkah-langkah Untuk Memperkukuhkan Pungutan Hasil

Bagi tahun 1987, hasil Kerajaan Persekutuan diramalkan berkurangan lagi sebanyak 5.9 peratus, iaitu dari 19,158 juta ringgit dalam tahun 1986 kepada 18,021 juta ringgit. Hasil-hasil cukai dijangka jatuh dengan banyaknya kerana harga barangan yang rendah dan pendapatan yang berkurangan. Memandangkan keadaan sekarang, pengenaan cukai-cukai baru akan melembapkan lagi kegiatan perniagaan. Oleh itu, untuk belanjawan kali ini, saya tidak bercadang membuat perubahan besar dalam cukai. Sebaliknya, perubahan-perubahan yang dicadangkan adalah pada keseluruhannya bertujuan menggalakkan kegiatan ekonomi dan untuk meningkatkan pungutan hasil, khususnya dengan mengurangkan pengecualian ke atas cukai-cukai yang ada sekarang. Oleh itu, saya mencadangkan langkah-langkah seperti berikut:

### Percukaian ke atas syarikat-syarikat insuran nyawa di Malaysia

Di bawah undang-undang cukai sekarang, premium yang diterima oleh syarikat-syarikat insuran nyawa tidak dianggap sebagai pendapatan. Sungguhpun begitu, komisen yang dibayar untuk mendapatkan premium itu dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Untuk menyamakan kedudukan syarikat-syarikat insuran dengan lain-lain syarikat, adalah dicadangkan komisen tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, bagi memberi masa kepada syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan untuk mengukuhkan kedudukan mereka dan syarikat-syarikat yang telah kukuh membuat penyesuaian, cadangan ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Selain dari itu, perbelanjaan pengurusan dan

perbelanjaan ibu pejabat hanya dibenarkan sebagai potongan sekiranya perbelanjaan tersebut adalah untuk menghasilkan pendapatan.

### **Skim potongan untuk pungutan cukai pendapatan**

Pada masa ini, pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia membayar cukai pendapatan mereka sama ada dengan sukarela menerusi skim potongan bulanan, atau membayar sekali gus dalam masa 30 hari, selepas menerima taksiran cukai. Di Sabah dan Sarawak, potongan bulanan untuk cukai pendapatan pekerja-pekerja memang dibuat sekarang ini. Untuk memperbaiki sistem pungutan cukai pendapatan dan menseragamkan peraturan ini di seluruh negara, adalah dicadangkan skim potongan cukai bulanan diwajibkan jika jumlah cukai yang kena dibayar melebihi 500 ringgit untuk mana-mana tahun taksiran. Cadangan ini akan menghasilkan sistem pungutan cukai yang lebih berkesan dan mengurangkan jumlah tunggakan cukai pendapatan.

### **Menarik balik pengecualian cukai ke atas pendapatan sewa rumah**

Beberapa tahun yang lepas, pengecualian telah diberi di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi pendapatan sewa rumah yang diterima oleh seorang pekerja yang terpaksa mengosongkan tempat kediamannya disebabkan berpindah tempat kerja. Pengecualian ini, sekarang ditarik balik.

### **Kajian semula pengecualian cukai pendapatan**

Pada masa ini, pengecualian cukai yang meluas diberi kepada pendapatan yang diterima oleh

pertubuhan dan institusi. Memandangkan kehilangan hasil yang besar kepada Kerajaan, adalah dicadangkan supaya pengecualian cukai yang diberi tidak meliputi pendapatan dividen dan cukai pembangunan. Selain dari itu, senarai pertubuhan dan institusi di bawah Bahagian II, Jadual 6, Akta cukai Pendapatan 1967 yang dikecualikan daripada cukai pendapatan akan di semak semula. Hanya institusi yang layak sahaja akan diberi pengecualian dan diwartakan.

Saya sedar terdapat banyak institusi dan pertubuhan yang sekarang ini diberi pengecualian cukai, mungkin tidak berpuas hati dengan semakan semula senarai ini. Tujuan utama semakan ini ialah untuk mengemaskinikan senarai yang sedia ada, kerana beberapa pertubuhan mungkin tidak lagi layak menerima pengecualian ini, kerana corak kegiatan mereka telah berubah. Saya ingin memberi jaminan bahawa semakan akan dibuat dengan teliti supaya pertubuhan-pertubuhan yang benar-benar layak akan terus menikmati pengecualian ini.

### **Cukai jualan 15 peratus ke atas rokok dan minuman keras**

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan hasil dan mengurangkan kesan buruk ke atas kesihatan, adalah dicadangkan supaya cukai jualan ke atas rokok dan minuman keras dinaikkan dari 10 peratus kepada 15 peratus.

### **Peruntukan Belanjawan 1987**

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi, kedudukan ekonomi antarabangsa dan ekonomi negara telah merosot. Ini telah menjejaskan hasil negara.

Dengan itu, saya mencadangkan sejumlah 27,412 juta ringgit diperuntukkan untuk Belanjawan 1987. Daripada jumlah ini, sebanyak 20,739 juta ringgit, atau 76 peratus, adalah bagi Perbelanjaan Mengurus dan 6,673 juta ringgit, atau 24 peratus, bagi Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan yang dicadangkan ini adalah berkurangan sebanyak 3,400 juta ringgit, atau 11 peratus lebih rendah daripada Anggaran Belanjawan 1986.

### Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 1987 yang dicadangkan telah dikurangkan sebanyak 1,215 juta ringgit, atau 6 peratus lebih rendah dari peruntukan Belanjawan 1986. Kira-kira 38 peratus, atau 7,812 juta ringgit, adalah bagi bayaran gaji dan 29 peratus, atau 5,973 juta ringgit, bagi Bayaran Hutang. Peruntukan yang lebih besar bagi bayaran gaji adalah disebabkan oleh penyelarasan gaji pekerja-pekerja Kumpulan C dan D dan pengambilan lebih ramai guru.

Perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan yang termasuk perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, sewaan, pembelian barang-barang dan perbelanjaan penyelenggaraan akan dikawal dengan lebih ketat lagi. Oleh itu, peruntukan tahun 1987 bagi tujuan ini akan dikurangkan sebanyak 27 peratus. Begitu juga, peruntukan bagi Pemilikan Harta Modal terutama pembelian alat-alat kelengkapan akan dikurangkan sebanyak 61 peratus.

### Akaun Semasa

Walaupun perbelanjaan mengurus telah dikurangkan, akaun semasa Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1987 dijangka menunjukkan defisit

sebanyak 2,718 juta ringgit. Ini adalah kerana kejatuhan yang besar dalam kutipan hasil, iaitu sebanyak 1.1 ribu juta ringgit yang dijangkakan tahun hadapan.

Defisit akaun semasa mungkin berterusan untuk jangkamasa yang lama. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan berlanjutan. Tindakan-tindakan tegas perlu diambil segera untuk mengurangkan defisit ini dan seterusnya menghapuskannya samasekali selewat-lewatnya pada tahun 1989. Kerajaan juga akan mengambil langkah untuk mengurangkan defisit keseluruhan Belanjawan Kerajaan Persekutuan. Sesuai dengan hasrat ini, saya mencadangkan langkah-langkah berikut dilaksanakan:

- (a) Kadar faedah ke atas pinjaman perumahan dan pinjaman kereta akan dinaikkan dari 4 kepada 6 peratus. Kenaikan kadar ini akan juga dikenakan kepada anggota-anggota pentadbiran. Kadar ini akan dikenakan atas pinjaman baru dan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kakitangan dalam kategori D akan dikecualikan daripada kenaikan ini.
- (b) Syarat-syarat kelayakan mendapat pinjaman perumahan Kerajaan yang lebih ketat akan dilaksanakan untuk mengurangkan beban kewangan. Syarat-syarat ini meliputi pegawai-pegawai Kerajaan serta anggota-anggota pentadbiran dan akan berkuatkuasa dengan sertamerta. Dalam hubungan ini, terdapat khabar-khabar angin bahawa Kerajaan akan membekukan skim pinjaman perumahan. Khabar-khabar angin tersebut adalah tidak

- beras dan tidak bertanggungjawab (*Tepuk*).
- (c) Beberapa jenis yuran baru akan dikenakan dan yuran yang sedia ada akan dinaikkan. Pada masa sekarang, Kerajaan menyediakan beberapa perkhidmatan dengan percuma, ataupun dengan bayaran minimum. Ini telah menyebabkan penyalahgunaan dan pembaziran. Yuran dan pembayaran untuk rawatan pesakit luar termasuk ubat-ubatan dan rawatan hospital akan dikenakan atau dinaikkan. Walau bagaimanapun, golongan yang berpendapatan rendah akan terus diberi rawatan percuma.
- (d) Beberapa agensi yang mempunyai pertindihan fungsi akan digabungkan bagi meningkatkan kecekapan kerja dan menjimatkan kos pengurusan.
- (e) Bilangan pekerja sektor awam akan dikurangkan melalui persaraan yang lebih awal, penempatan semula kakitangan yang berlebihan dan menghapuskan jawatan yang tidak diperlukan. Pada masa ini, saiz perkhidmatan awam adalah terlalu besar.
- (f) Bilangan dan saiz perwakilan diplomatik kita dan lain-lain pejabat di luar negeri akan dikaji untuk menjimatkan perbelanjaan. Mana-mana perwakilan yang tidak perlu akan ditutup.
- (g) Proses penswastan akan dikaji semula dan perubahan-perubahan dibuat di mana perlu untuk menjadikannya lebih mudah dan berkesan. Kerajaan akan mengenalpasti projek-projek dan perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diwastakan. Sehubungan dengan ini, Kerajaan bersedia untuk menwastakan Keretapi Tanah Melayu dengan memajakkannya pada harga nominal sebanyak 1 ringgit kepada mana-mana pihak yang sanggup menjalankannya secara komersial, tertakluk kepada syarat-syarat yang akan dirundingkan (*Ketawa*).
- (h) Skim biasiswa akan diubahsuai. Peruntukan untuk tujuan ini akan diubah supaya 20 peratus sahaja dikeluarkan sebagai biasiswa dan 80 peratus adalah dalam bentuk pinjaman. Kerajaan juga sedang mengkaji skim membiayai pinjaman pelajaran melalui sistem bank. Langkah-langkah ini perlu kerana pada masa ini Kerajaan memperuntukkan kira-kira 800 juta ringgit sebagai biasiswa dan pinjaman.
- (i) Pekerja-pekerja sektor awam yang baru dan mereka yang belum ditempatkan dalam jawatan berpencen akan dikehendaki mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Mereka dalam golongan ini tidak akan diberi pencen. Dalam jangka panjang, langkah ini akan dapat mengurangkan beban pembayaran pencen dan ganjaran yang pada masa sekarang berjumlah 846 juta ringgit setahun.

#### **Perbelanjaan Pembangunan**

Memandangkan sumber-sumber yang terhad, Kerajaan akan mengurangkan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan. Oleh itu, seperti yang saya menyatakan tadi, sejumlah 6,673 juta ringgit akan

disediakan bagi tahun 1987. Ini adalah berkurangan sebanyak 2,185 juta ringgit, atau 25 peratus lebih rendah dari peruntukan Belanjawan 1986. Sebanyak 3,967 juta ringgit atau 60 peratus adalah diperuntukkan kepada Sektor Ekonomi, 1,524 juta ringgit atau 23 peratus kepada Sektor Sosial dan 442 juta ringgit atau 7 peratus kepada Sektor Keselamatan.

Keutamaan akan diberikan kepada projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar di mana kadar kemiskinan masih lagi tinggi. Oleh itu, peruntukan sebanyak 4,469 juta ringgit atau dua pertiga daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan 1987 akan disediakan bagi meningkatkan taraf kehidupan ekonomi dan sosial penduduk-penduduk luar bandar selaras dengan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru (*Tepuk*).

### **Infrastruktur Luar Bandar**

Kerajaan akan mengukuhkan infrastruktur bagi pembangunan luar bandar dengan meneruskan pembinaan jalan-jalan raya, bekalan air dan elektrik. Oleh itu, sejumlah 785 juta ringgit disediakan bagi projek-projek ini. Dari jumlah tersebut, sebanyak 315 juta ringgit akan disediakan bagi bekalan air luar bandar, 195 juta ringgit bagi bekalan elektrik luar bandar dan 275 juta ringgit lagi disediakan bagi jalan-jalan luar bandar. Di samping itu, 88 juta ringgit akan disediakan bagi menambah bilangan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa.

### **Pertanian dan Pembangunan Tanah**

Strategi utama Kerajaan bagi mengurangkan kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran di sektor pertanian dan pembukaan rancangan-rancangan tanah baru. Oleh itu, sektor pertanian

akan terus diberi keutamaan paling tinggi dengan peruntukan sebanyak 1,623 juta ringgit. Ini merupakan kira-kira 24 peratus daripada jumlah belanjawan pembangunan 1987, berbanding dengan 19 peratus dalam tahun 1986.

Di bawah sektor pertanian, peruntukan terbesar, sebanyak 619 juta ringgit adalah bagi pembangunan tanah, melalui agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan RISDA. Ini termasuk pembangunan kawasan-kawasan tanah baru dan pemulihan tanah terbiar serta penyatuan tanah-tanah yang tidak ekonomik untuk ditanam dengan tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit dan koko. Di bawah program ini, adalah dijangkakan seluas 73,600 hektar tanah baru akan dimajukan. Di samping itu, seluas 290,400 hektar tanah pertanian yang sedia ada akan diperbaiki. Adalah dijangkakan 6 ribu lagi keluarga peneroka akan ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA pada tahun 1987 menjadikan jumlah keseluruhan yang ditempatkan di rancangan-rancangan tersebut sebanyak 106 ribu keluarga.

### **Lain-lain Rancangan Pembangunan Pertanian**

Sejumlah 304 juta ringgit diperuntukkan kepada Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu bagi menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti parit dan taliair dan lain-lain perkhidmatan sokongan untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan penggunaan tanah. Bagi faedah penanam-penanam padi, sejumlah 80 juta ringgit diperuntukkan kepada Skim Subsidi Baja Padi.

### **Perkhidmatan Sokongan Pertanian**

Perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dan

Jabatan Parit dan Taliair diberi peruntukan sebanyak 179 juta ringgit. Untuk menyediakan kemudahan kredit pertanian, Bank Pertanian diperuntukkan sebanyak 91 juta ringgit. Sebanyak 45 juta ringgit diperuntukkan kepada FAMA, MAJUIKAN dan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi menjalankan usaha-usaha pemasaran dan pembangunan sosial.

### **Perdagangan dan Perindustrian**

Sejumlah 232 juta ringgit diperuntukkan untuk memajukan industri berasaskan pertanian, menjalankan penyelidikan perindustrian dan memajukan kawasan perindustrian. Dari jumlah ini, 95 juta ringgit adalah disediakan kepada MARA, UDA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi membantu pencapaian matlamat penyusunan semula di bawah Dasar Ekonomi Baru. Peruntukan sebanyak 72 juta ringgit disediakan untuk Bank Kemajuan Perusahaan, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, atau MIDF, dan Bank Pembangunan Malaysia. Dari jumlah ini, 30 juta ringgit ialah untuk memajukan industri kecil.

### **Pelajaran**

Sebanyak 1,037 juta ringgit diperuntukkan bagi pelajaran. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, sebahagian besar dari peruntukan ini adalah bagi menyediakan keperluan kemudahan pelajaran yang lebih baik kepada penduduk luar bandar. Di bawah Program Pelajaran Rendah, sebanyak 179 juta ringgit diperuntukkan bagi membina 5,000 bilik darjah dan sebanyak 216 juta ringgit diperuntukkan di bawah program Pelajaran Menengah bagi membina sebanyak 4,200 bilik darjah, makmal dan perpustakaan. Sebanyak 185 juta ringgit disediakan bagi

membina dan menyiapkan 9 buah sekolah vokasional dan 5 buah politeknik bagi menampung keperluan tenaga mahir selaras dengan Pelan Induk Perindustrian.

Perbelanjaan mengurus bagi pelajaran adalah tinggi dan bertambah setiap tahun. Perbelanjaan bagi membiayai Program-program Pelajaran Rendah dan Pelajaran Menengah merupakan 67 peratus dari jumlah perbelanjaan mengurus untuk Kementerian Pelajaran dan 13 peratus dari jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan. Memandangkan kepada keadaan ekonomi sekarang, Kerajaan sedang mengkaji semula beberapa kemudahan dan bantuan seperti skim pinjaman buku teks dan Program Amalan Makanan dan Pemakanan. Kerajaan juga sedang menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta, terutama sekali yang dapat mengadakan hubungan dengan universiti-universiti ternama di seberang laut.

Sebanyak 125 juta ringgit diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan di peringkat pelajaran tinggi untuk menampung pertambahan permintaan tempat di universiti-universiti tempatan. Ini akan dapat mengurangkan bilangan pelajar yang dihantar ke seberang laut dan dengan itu menjimatkan pertukaran matawang asing negara. Bermula tahun hadapan, universiti-universiti tempatan dikehendaki menambahkan lagi bilangan pengambilan pelajar. Kenaikan pengambilan ini akan dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan dalam bilangan kakitangan atau kemudahan yang sedia ada.

### **Perumahan**

Pada tahun ini, Kerajaan akan membelanjakan sebanyak 1.5 ribu juta ringgit untuk skim pinjaman perumahan bagi pekerja-pekerja

awam. Jumlah ini adalah besar dan dijangka meningkat lagi pada tahun-tahun hadapan. Oleh itu, seperti yang saya nyatakan tadi syarat-syarat kelayakan pinjaman perumahan di bawah skim ini akan diperketatkan.

Kerajaan juga sedang mengkaji semula pembiayaan skim pinjaman perumahan pekerja awam bagi memindahkan sebahagian dari pembiayaan tersebut ini kepada institusi-institusi kewangan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memberi subsidi atas bayaran faedah yang dikenakan oleh institusi-institusi tersebut. Buat sementara waktu, sebanyak 1.2 ribu juta ringgit akan disediakan dalam tahun 1987 untuk pinjaman perumahan. Dari jumlah ini, 600 juta ringgit adalah dari bayaran balik pinjaman yang telah diberikan, 100 juta ringgit daripada peruntukan pembangunan dan bakinya dari institusi-institusi kewangan.

Kerajaan telah memberi keutamaan yang tinggi kepada program rumah kos rendah. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menetapkan matlamat sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun oleh sektor swasta bagi tempoh tahun 1986 hingga 1988 dengan pembiayaan oleh institusi kewangan sebanyak 2,000 juta ringgit setahun. Kemajuan pelaksanaan skim ini adalah tidak memuaskan. Saya ingin menyeru Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain yang terlibat memberi kerjasama sepenuhnya supaya matlamat skim ini dapat dicapai. Dengan pelaksanaan skim ini, peranan Kerajaan dalam membiayai rumah-rumah kos rendah akan berkurangan. Bagi tahun 1987, Kerajaan hanya menyediakan sebanyak 98 juta ringgit di dalam Anggaran Pembangunan untuk tujuan ini bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri menyiapkan projek-projek yang sedang berjalan di pelbagai peringkat pelaksanaan.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru pemaju-pemaju perumahan supaya memberi sokongan sepenuhnya kepada usaha-usaha Kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor perumahan. Zaman mendapat keuntungan lumayan sebanyak 30 hingga 40 peratus telah pun berakhir. Keadaan industri perumahan sekarang ini adalah berpunca dari pembinaan jenis-jenis rumah yang tidak selaras dengan permintaan dan pemaju-pemaju yang tamakkan keuntungan. Dalam keadaan sekarang, pemaju-pemaju perumahan seharusnya bersedia menerima keuntungan yang kecil. Selagi hakikat ini tidak diterima dan para pemaju terus mengharapkan keuntungan yang besar, selama itulah rumah-rumah yang dibina akan di luar kemampuan rakyat dan industri perumahan tidak dapat berkembang.

#### **Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)**

Perbelanjaan Pembangunan Perusahaan Awam Bukan Kewangan, atau PABK, yang terdiri dari syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan awam akan dikurangkan kepada 3,452 juta ringgit dalam tahun 1987 berbanding dengan 5,875 juta ringgit dalam tahun 1986. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan saiz Sektor Awam.

Pada akhir tahun 1985, penglibatan kewangan Kerajaan di dalam syarikat dan agensi sektor awam dianggarkan berjumlah 21 ribu juta ringgit yang terdiri dari 7.8 ribu juta ringgit dalam bentuk ekuiti, 3 ribu juta ringgit dalam bentuk pinjaman dan bakinya sebanyak 10.2 ribu juta ringgit dalam bentuk jaminan atas pinjaman. Perbelanjaan dan daya maju projek-projek PABK akan diawasi dengan lebih rapi.

Keadaan perniagaan yang meleset telah menjejaskan keuntungan syarikat-syarikat dan agensi-agensi sektor

awam. Oleh itu, mereka perlulah mengambil langkah untuk mengurangkan kos termasuk memotong lagi gaji dan elaun. Beberapa buah syarikat telah pun melaksanakan potongan ini. Tetapi ada lagi syarikat-syarikat yang terus mengekalkan paras gaji dan lain-lain faedah yang tinggi walaupun sedang mengalami kerugian. Dalam keadaan sekarang, semua syarikat dan agensi awam hendaklah mengkaji semula paras gaji supaya ianya lebih munasabah.

Pihak Kerajaan telah mengenalpasti beberapa langkah untuk memperbaiki daya maju syarikat awam yang mengalami keadaan perniagaan yang merosot ini. Ini termasuklah menyusun semula nisbah hutang ekuiti, menukar sebahagian daripada hutang kepada ekuiti dan kemungkinan menggabungkan syarikat-syarikat awam dan swasta untuk meningkatkan kecekapan.

### **Imbangan Pembayaran**

Cara utama untuk memperbaiki akaun semasa imbangan pembayaran ialah melalui peningkatan eksport. Untuk mencapai tujuan ini, galangan-galangan eksport perlu diperbaiki lagi. Baru-baru ini, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan eksport barangan utama. Misalnya, duti eksport ke atas minyak kelapa sawit yang diproses telah pun ditarik balik.

Bagi meningkatkan lagi keupayaan eksport kita, saya mencadangkan langkah-langkah seperti berikut:

#### **(a) Eksport Barangan Utama**

Duti eksport marginal atas minyak kelapa sawit mentah akan dikurangkan sebanyak 20 peratus. Dengan itu, kadar maksimum duti ini akan menjadi 30 peratus sahaja. Selain dari itu, skim pembiayaan kredit

eksport untuk kemudahan sebelum dan selepas penghantaran akan diperluaskan kepada eksport getah, minyak kelapa sawit mentah dan minyak isi rong kelapa sawit. Tempoh pembiayaan akan dilanjutkan dari 90 kepada 180 hari.

#### **(b) Galakan baru untuk eksport**

Kerajaan akan terus menggalakkan lagi pelaburan sektor swasta di dalam sektor perkilangan, terutama dalam industri yang berorientasikan eksport. Untuk tujuan ini, Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang sedia ada akan dipinda bagi:

- (i) mengurangkan cukai syarikat dengan memberi potongan sehingga sebanyak 50 peratus berdasarkan kepada prestasi eksport sesebuah syarikat perkilangan;
- (ii) elaun sebanyak 5 peratus daripada nilai eksport akan diberikan kepada syarikat-syarikat perdagangan yang mengeksport barang-barang yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat perkilangan;
- (iii) melanjutkan tempoh taraf perintis yang sekarang ini dihadkan kepada 5 tahun kepada tempoh yang lebih panjang, iaitu 10 tahun bagi syarikat-syarikat baru. Lanjutan ini akan diberi secara terpilih.

Maklumat-maklumat yang lebih lanjut mengenai pindaan-pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986 akan diumumkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

#### **(c) Pengecualian Duti Import Untuk Pengeksport-pengeksport Tidak Langsung**

Kerajaan akan memperkenalkan surat kredit tempatan dalam skim pembiayaan kredit untuk eksport.

Dengan terlaksananya skim ini, pengecualian duti import akan diberi kepada pengeksport tidak langsung yang mengeluarkan komponen dan bahan mentah yang digunakan oleh pengeksport utama.

(d) *Kajian Semula Dasar-dasar Perlindungan*

Sektor perkilangan hanya boleh berkembang dengan pesat menerusi pertambahan dalam pengeluaran barang-barang eksport. Untuk membolehkan eksport kita bersaing, industri tempatan yang mengeluarkan input atau komponen untuk industri eksport, mestilah menjadi lebih cekap. Pengeluar-pengeluar input tempatan telah begitu lama menikmati perlindungan yang berlebihan. Pada masa ini, beberapa kos input adalah terlalu tinggi. Ini telah menghalang pertumbuhan sektor perkilangan yang dinamis. Sekarang, tibalah masanya bagi Kerajaan untuk mengkaji semula perlindungan tarif yang sedia ada, untuk menjadikan struktur tarif lebih seragam dan mengurangkan perlindungan. Namun begitu, Kerajaan akan terus membantu industri-industri yang cekap dan yang mempunyai potensi untuk meningkatkan eksport.

**Mengurangkan Import Makanan**

Selain dari meningkatkan eksport, langkah-langkah perlulah diambil bagi mengurangkan import, terutama sekali import makanan. Pada tahun 1985, negara membelanjakan 3.1 ribu juta ringgit untuk mengimport bahan-bahan makanan. Antara import ini termasuklah jagung, daging, sayur-sayuran, ikan dan buah-buahan. Banyak dari bahan-bahan makanan ini dapat dihasilkan dalam masa yang singkat. Oleh itu, peluang mengurangkan import amatlah cerah. Perkara ini seharusnya diberikan

perhatian serius, terutama sekali oleh sektor swasta. Kerajaan-kerajaan Negeri pula hendaklah bersedia memberi hak milik tanah kepada pengusaha yang berminat supaya import makanan dapat dikurangkan.

**Akaun Perkhidmatan**

Akaun perkhidmatan di dalam Imbangan Pembayaran terus mengalami defisit yang besar. Pada tahun 1986, defisit di dalam akaun perkhidmatan dianggarkan sebanyak 10,232 juta ringgit. Kita telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal defisit ini. Langkah-langkah ini termasuklah memperbaiki perkhidmatan perkapalan, perkhidmatan udara dan menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan.

Satu daripada faktor yang menyebabkan defisit di dalam akaun perkhidmatan ialah aliran keluar yuran-yuran dan lain-lain perbelanjaan bagi membiayai pelajar-pelajar kita di luar negeri. Pada tahun 1985, jumlah pertukaran matawang asing yang terlibat ke atas perbelanjaan tersebut ialah sebanyak 1,177 juta ringgit. Untuk mengurangkan jumlah ini, seperti yang dinyatakan tadi, Kerajaan akan menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta, terutamanya yang dapat mengadakan hubungan dengan universiti-universiti ternama di luar negeri.

Pada tahun ini, perbelanjaan oleh rakyat kita yang melancong ke luar negeri ialah kira-kira 1.5 ribu juta ringgit. Ini merupakan satu jumlah aliran pertukaran wang asing yang besar. Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan pelancongan tempatan supaya pengaliran keluar wang dapat dikawal. Negara kita mempunyai tempat-tempat pelancongan dalam negeri yang

menarik. Rakyat Malaysia patut menikmati keindahan alam semula jadi di negara ini.

### **Sektor Swasta**

Tuan Yang di-Pertua, sambil kita sedang berusaha untuk mengurangkan peranan sektor awam di dalam kegiatan ekonomi, adalah amat penting sektor swasta meningkatkan peranan mereka. Pihak Kerajaan telah pun melonggarkan Akta Penyelarasan Perindustrian atau ICA dan beberapa peraturan yang berkaitan dengan Jawatankuasa Pelaburan Asing atau FIC untuk menggalakkan pelaburan swasta di negara ini. Panduan ekuiti telah dilonggarkan untuk membolehkan pelabur-pelabur asing mengawal dan memegang saham majoriti dalam syarikat-syarikat, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Kerajaan juga sedang mengkaji semula jentera untuk mengawasi dan mengawal industri sekuriti. Kajian semula ini adalah untuk menyatukan agensi-agensi yang sedia ada seperti Jawatankuasa Penerbitan Modal (CIC), Panel Ambil Alih dan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

Kita telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki iklim pelaburan sektor swasta. Ada pihak yang berpendapat, salah satu dari punca kemerosotan prestasi sektor swasta dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ialah kurangnya keyakinan dalam iklim pelaburan. Keyakinan ialah satu sikap pemikiran. Selagi kita terus merasa sangsi dan curiga dan begitu mudah mempercayai khabar-khabar angin yang tidak berasas, selagi itulah kita mengalami krisis keyakinan. Kerajaan akan terus menggalakkan dialog dengan sektor swasta dan sentiasa akan bersikap terbuka dan bertanggungjawab.

Malaysia mempunyai potensi untuk mencapai pertumbuhan dan perkembangan yang lebih pesat di masa hadapan. Sektor swasta mestilah segera tampil ke hadapan untuk merebut peluang-peluang pelaburan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta dengan lebih pesat dan untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan ekonomi, saya mencadangkan langkah-langkah tambahan seperti berikut:

### **Mengkaji Semula Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984**

- (a) Untuk memulihkan pasaran harta, adalah dicadangkan kadar cukai pemindahan syer diturunkan dari 10 peratus kepada 2 peratus. Adalah juga dicadangkan supaya pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pemindahan Syer diperluaskan, kepada kumpulan syarikat yang menyusun semula bagi tujuan kecekapan. Ini adalah untuk memastikan pertumbuhan syarikat yang tulen menerusi pemindahan syer. Selanjutnya, beberapa pindaan akan dibuat ke atas Akta untuk memperbaiki pentadbiran cukai ini dan menjadikannya lebih saksama lagi.

### **Mengurangkan kadar cukai keuntungan harta tanah**

- (b) Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor perumahan dan memastikan supaya urusan hartanah tidak terhalang oleh kadar cukai yang tinggi, adalah dicadangkan kadar cukai

ke atas keuntungan hartanah dikurangkan sebanyak 50 peratus. Dengan pengurangan ini, kadar cukai akan menjadi di antara 5 hingga 10 pertus bagi syarikat-syarikat dan individu-individu. Bagi individu-individu, cukai tidak dikenakan di atas penjualan yang dibuat dalam tahun keenam dari tarikh harta itu diperolehi.

- (c) Pada masa ini, individu-individu yang bukan pemastautin dikenakan cukai pada kadar 40% di atas hartanah yang dijual, tanpa mengira jangkamasa harta itu diperolehi. Adalah dicadangkan mereka juga dikenakan kadar yang sama seperti individu yang bermastautin.

#### **Kajian semula Seksyen 15 Ordinan Duti Setem 1949**

- (d) Pada masa sekarang, pengecualian duti setem dihadkan kepada syarikat-syarikat yang menyusun semula atau bercantum, selaras dengan dasar Kerajaan. Untuk membantu pembangunan dan pertumbuhan syarikat, adalah dicadangkan pengecualian ini diperluaskan kepada syarikat-syarikat yang menyusun semula atau bercantum bagi tujuan kecekapan dan perkembangan. Selain dari itu, syarikat yang membuat penyusunan semula, atau percantuman selaras dengan dasar Kerajaan berhubung dengan penyertaan modal, tidak akan tertakluk kepada keperluan memegang syer selama dua tahun. Ini adalah bertujuan mempercepatkan lagi penyusunan semula ekuiti mengikut Dasar Ekonomi Baru.

#### **Memperluaskan skop pinjaman yang diluluskan**

- (e) Pada masa ini, faedah ke atas pinjaman yang diberi kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan, dikecualikan daripada cukai pegangan sebanyak 20%. Untuk memastikan sektor swasta mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi membiayai projek-projek yang besar, adalah dicadangkan supaya kemudahan ini diperluaskan bagi meliputi pinjaman yang melebihi 250 juta ringgit. Adalah dicadangkan juga supaya semua permohonan bagi pengecualian dari cukai pegangan, sama ada untuk sektor awam atau swasta, dikemukakan bagi kelulusan Menteri Kewangan. Ini adalah bagi menentukan projek-projek tersebut dapat memberi faedah kepada negara.

#### **Pengecualian cukai ke atas pampasan kerana kehilangan kerja**

- (f) Pada masa ini, pengecualian cukai ke atas pampasan kerana kehilangan kerja dihadkan sebanyak 2,000 ringgit bagi setiap tahun genap tempoh perkhidmatan. Kedudukan ekonomi yang meleset sekarang telah menyebabkan kadar pembuangan kerja semakin bertambah. Memandangkan hal ini, dan untuk membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja, adalah dicadangkan paras pengecualian cukai ke atas pampasan ini dinaikkan dari 2,000 ringgit kepada 4,000 ringgit bagi setiap tahun genap tempoh perkhidmatan.

### **Potongan dua kali bagi latihan yang diluluskan**

(g) Latihan adalah penting untuk mempertingkatkan kemahiran dan menambahkan daya pengeluaran. Salah satu masalah utama di dalam melaksanakan program pembangunan gunatenaga ialah peranan sektor swasta yang kurang berkesan. Untuk mengatasi halangan ini, adalah dicadangkan potongan dua kali dibenarkan di atas perbelanjaan oleh sektor swasta bagi latihan yang diluluskan. Galakan ini dihadkan kepada sektor perkilangan sahaja.

### **Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA)**

Pada masa sekarang, lesen pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, atau ICA, diperlukan bagi syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai kumpulan wang pemegang-pemegang saham sebanyak 1 juta ringgit dan lebih, atau menggunakan 50 orang atau lebih pekerja-pekerja sepenuh masa. Untuk menggalakkan pertumbuhan perindustrian, had ini akan dinaikkan. Hanya syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai kumpulan wang pemegang-pemegang saham yang melebihi 2.5 juta ringgit, atau menggunakan 75 orang pekerja, atau lebih, dikehendaki memohon untuk mendapatkan lesen pengilangan di bawah ICA.

### **Pekerjaan, Upah dan Undang-undang Buruh**

Kadar pengangguran dalam negeri sedang meningkat. Walaupun Kerajaan bertanggungjawab mewujudkan suasana untuk pertumbuhan ekonomi bagi menggalakkan pertumbuhan

pekerjaan, pengujudan peluang-peluang pekerjaan bukan menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Sektor swasta seharusnya memikul tanggungjawab utama untuk mengujudan peluang-peluang pekerjaan.

Para pelabur mahukan kepastian sebelum membuat keputusan untuk melabur. Apabila terdapat kepastian, mengenai dasar-dasar, dan kos buruh, keyakinan perniagaan akan meningkat. Oleh itu, kestabilan dalam paras gaji dan upah adalah amat penting dan perlu dikekalkan.

Sebahagian besar kos pengeluaran adalah terdiri dari perbelanjaan untuk membayar gaji. Untuk mengurangkan kos buruh, saya ingin mencadangkan supaya kenaikan gaji ditangguhkan secara sukarela di sektor awam dan swasta, selama 3 tahun. Pertangguhan kenaikan gaji ini akan diwajibkan kepada sektor awam dan swasta, sekiranya keadaan ekonomi merosot lagi. Dalam hubungan ini, saya ingin memberi penghargaan kepada semua pekerja sektor awam kerana memahami kesulitan ekonomi yang dihadapi oleh Kerajaan pada masa ini. Saya berharap mereka akan terus bersabar. Bagi pihak Kerajaan, kita akan terus mengawal harga barang-barang perlu, supaya berada pada paras yang berpatutan.

Semua pekerja, samada di sektor awam atau swasta, mestilah bersedia untuk bekerja dengan lebih keras untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Pada masa ini, terlalu banyak masa bekerja disia-siakan. Sekiranya sistem pembahagian kerja yang lebih fleksibel diwujudkan, dan seseorang pekerja itu digalakkan untuk melaksanakan beberapa tugas, saya percaya kita boleh menjadi lebih cekap dan seterusnya dapat mengurangkan lagi kos.

Kerajaan juga sedang mengkaji undang-undang buruh yang sedia ada bagi mengurangkan kos pengeluaran. Kajian ini meliputi peruntukan-peruntukan mengenai bayaran pampasan pembuangan kerja dan bayaran kerja lebih masa. Pada masa ini, kadar bayaran kerja lebih masa adalah terlalu tinggi dan perlu dikaji semula. Jika perlu, kerja-kerja lebih masa akan dikurangkan. Dengan itu, kita akan dapat mengurangkan pembaziran dan mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan. Negara kita adalah sebuah negara membangun dan undang-undang haruslah bersesuaian dengan keadaan dan keperluan kita. Kita tidak boleh meniru bulat-bulat apa yang diamalkan oleh negara-negara maju.

#### **Dasar Kewangan**

Baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan pengurangan keperluan-keperluan mudah tunai dan berkanun untuk memastikan bahawa sistem kewangan mempunyai mudah tunai yang cukup. Ini telah menghasilkan penurunan kadar faedah dalam pasaran kewangan. Saya berharap ini akan membawa kepada pengurangan dalam kadar faedah atas pinjaman.

Bagi memperbaiki lagi kedudukan mudah tunai dalam sistem kewangan, pengecualian sebanyak 5 peratus cukai pegangan ke atas bayaran faedah bagi akaun simpanan akan dipinda. Adalah dicadangkan supaya paras pengecualian bagi bank-bank dan syarikat kewangan dinaikkan daripada seribu ringgit kepada lima ribu ringgit.

Sebagai langkah tambahan untuk memperkuat pasaran kewangan dan meningkatkan simpanan, bank-bank perniagaan yang memenuhi kriteria tertentu akan dibenarkan untuk mengeluarkan sijil-sijil simpanan yang boleh diniagakan atau dengan izin, Negotiable certificates of deposits.

Seperti yang telah saya janjikan pada tahun lalu, Pasaran Cagaran Kedua akan diwujudkan tidak lama lagi. Perbadanan Cagaran Nasional akan ditubuhkan untuk mengeluarkan bon berasaskan cagaran. Perbadanan ini dijangka akan meningkatkan tabungan bagi membiayai kegiatan-kegiatan perumahan.

Untuk menggalakkan penggunaan Tabung Pelaburan Baru, atau NIF, dengan lebih berkesan, kadar faedah maksimum untuk pinjaman di bawah skim ini akan dikurangkan sebanyak 1 peratus menjadi 10 peratus setahun, bermula daripada hari ini. Bagi tujuan menggalakan pinjaman baru kepada pelaburan-pelaburan produktif yang mempunyai potensi eksport, Tabung Pelaburan Baru ini, akan juga dibuka kepada projek-projek perlombongan, selain daripada projek-projek pertanian, perkilangan dan pelancongan.

#### **Prospek Bagi 1987**

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan di negara-negara perindustrian diramalkan meningkat sedikit pada tahun 1987, iaitu 3 peratus. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini adalah sederhana dan tidak dapat memberi galakan yang cukup terhadap pertumbuhan di negara-negara membangun.

Oleh yang demikian, saya menganggarkan pengeluaran sebenar di dalam ekonomi kita akan berkembang sebanyak lebih kurang 1 peratus dalam tahun 1987. Harga pengguna dijangka tidak mengalami peningkatan yang besar dan kadar inflasi adalah di dalam lengkungan 1 peratus, iaitu sama dengan kadar inflasi dalam tahun 1986. Akaun semasa Imbangan Pembayaran dijangka menunjukkan sedikit pemulihan sungguhpun defisit masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 3 ribu juta ringgit.

Kedudukan rizab luar dijangka mencukupi untuk membiayai import untuk lebih kurang 7 bulan.

Langkah-langkah tegas belanjawan yang saya cadangkan dan yang akan dilaksanakan di sepanjang tahun hadapan akan memperbaiki kedudukan kewangan Kerajaan. Defisit keseluruhan sektor awam dijangka akan bertambah baik, iaitu turun kepada 10.5 ribu juta ringgit, atau 15.9 peratus daripada KNK. Manakala defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan kepada 8.3 ribu juta ringgit, atau 12.5 peratus daripada KNK. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih baik ini adalah hasil daripada pengurangan dalam Perbelanjaan Pembangunan. Walau bagaimanapun akaun semasa akan mencatatkan defisit yang besar, iaitu sebanyak 2.7 ribu juta ringgit. Ini adalah satu kedudukan yang membimbangkan.

Ramalan untuk tahun 1987 adalah berasaskan kepada harga minyak pada paras 13 dolar Amerika setong. Harga minyak mungkin merosot ke paras 10 dolar setong, jika negara-negara OPEC tidak berjaya menghasilkan strategi yang dapat menstabilkan harga. Sekiranya ini berlaku, pendapatan kita akan terus merosot dan defisit dalam akaun semasa Kerajaan dan imbalan pembayaran akan menjadi lebih besar. Langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan defisit ini termasuklah mengurangkan lagi elaun-elaun, memotong gaji dan pembuangan kerja.

Setiap golongan rakyat hendaklah sanggup berkorban demi memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara. Kerajaan mengamalkan konsep Kepimpinan Melalui Teladan. Para Menteri dan Timbalan Menteri telah pun memotong gaji dan elaun mereka

bermula dari bulan Ogos 1982. Pengorbanan perlu bermula dengan pemimpin-pemimpin negara dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Tidak ada gunanya pemimpin-pemimpin negara menggesa rakyat untuk berkorban, jika mereka sendiri tidak membuat apa-apa. Oleh itu saya mencadangkan langkah-langkah tambahan seperti berikut:

- (a) Elaun-elaun dan keistimewaan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan lain-lain anggota pentadbiran dikaji semula dengan tujuan untuk mengurangkan atau memansuhkannya (*Tepuk*). Elaun-elaun keraian dan perumahan serta elaun-elaun perjalanan rasmi akan dikurangkan antara 10 hingga 20 peratus (*Tepuk*). Semua elaun yang sekarang ini dibayar semasa perjalanan percutian akan dimansuhkan. Kerajaan hanya akan membayar tambang perjalanan untuk bercuti bagi para Menteri, Timbalan Menteri dan isteri atau suami mereka sahaja. Langkah-langkah ini berkuatkuasa serta-merta (*Tepuk*).
- (b) Pada masa sekarang, ada ahli-ahli politik dan segolongan pegawai Kerajaan yang menerima ataupun mungkin layak menerima lebih dari satu pensen dari Kerajaan. Kerajaan akan mengenakan cukai 100 peratus ke atas pensen kedua dan seterusnya yang diterima oleh mereka (*Tepuk*).
- (c) Elaun-elaun keraian dan perumahan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam tingkatan tertinggi akan dikurangkan sebanyak 10%.
- (d) Elaun perjalanan untuk pegawai-pegawai Kerajaan semasa menjalankan tugas-tugas resmi akan dikurangkan.

Pada masa ini terdapat terlalu banyak perjalanan yang tidak perlu. Ini akan dikawal. Kerajaan juga akan mengurangkan perbelanjaan bagi menghadiri persidangan dan seminar di luar negeri.

### Penutup

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berterus-terang dalam memberikan gambaran sebenar mengenai kedudukan ekonomi negara. Ekonomi negara sedang mengalami satu tempoh pertumbuhan yang lembap. Kadar pengangguran semakin meningkat. Pendapatan purata rakyat telah turun dua tahun berturut-turut. Gaya hidup kita pula tidak selaras dengan pendapatan yang semakin merosot. Sebenarnya, kita masih belum mengubah gaya hidup selaras dengan penurunan pendapatan ini. Kedudukan kewangan Kerajaan juga membimbangkan. Kita tidak boleh lagi berhutang dengan banyak tanpa menjejaskan kedudukan kewangan negara.

Kerajaan Barisan Nasional telah diberikan mandat yang besar oleh rakyat untuk terus memimpin negara ini. Tanggungjawab utama Kerajaan ialah untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara. Mandat yang diberikan oleh rakyat telah menguatkan lagi azam Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah tegas dalam memenuhi tanggungjawab ini. Saya juga ingin menekankan sekali lagi bahawa Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang lebih drastic, jika kedudukan ekonomi semakin merosot.

Belanjawan kali ini mencadangkan beberapa langkah yang mungkin tidak popular dan membebankan pihak-pihak tertentu. Tetapi langkah-langkah ini adalah perlu. Kita tidak boleh berbelanja lebih dari pendapatan, dan menggadaikan masa

depan negara. Belanjawan ini mencadangkan langkah-langkah yang lebih tegas bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam dan mengurangkan saiznya. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta, terutama dalam bidang industri yang berasaskan eksport, pembinaan rumah kos rendah dan pembukaan tanah-tanah baru untuk pertanian.

Saya yakin negara kita mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih pesat lagi di masa hadapan. Sistem politik kita telah termaktub dalam perlembagaan dan asas demokrasi kita amat teguh, seperti terbukti dalam pilihanraya yang baru lalu. Kita juga mempunyai sumber-sumber alam yang banyak dan tenaga manusia yang terlatih. Oleh itu, jika kita sanggup bersama-sama berkorban, dan bekerja dengan lebih keras lagi, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya mengatasi kesulitan ini.

Dalam keadaan sekarang, kita tidak seharusnya berdebat mengenai siapa yang patut mendapat bahagian yang lebih dalam kekayaan negara. Jika kita terus berdebat mengenai perkara ini, pada akhirnya kita semua akan mengalami kerugian. Sebaliknya kita perlu menumpukan segala usaha dan tenaga untuk menambahkan pendapatan dan pengeluaran negara.

Oleh kerana Kerajaan sedang mengurangkan peranannya dalam kegiatan ekonomi negara, sektor swasta perlulah bersiap sedia supaya dapat menjadi penggerak utama kepada pembangunan negara. Sektor swasta bukan sahaja perlu lebih cekap dan agresif. Sektor swasta dan rakyat keseluruhannya perlu beramanah, mengamalkan etika yang tinggi, tidak mementingkan diri sendiri dan sedar

akan tanggungjawab untuk memelihara dan mempertahankan kepentingan negara.

Negara ini bukan sahaja terdiri dari penduduk pelbagai kaum, tetapi mereka juga mempunyai pegangan hidup yang berlainan. Tetapi kita semua adalah rakyat Malaysia. Di sinilah tempat kita dan anak-anak kita mencari makan dan tempat kita semua berteduh. Oleh itu tanamkanlah semangat cintakan negara, dengan mengutamakan kepentingan negara dari segala-galanya.

Rakyat pelbagai kaum di negara ini telah membina Malaysia menjadi salah sebuah negara yang stabil, makmur dan berpotensi di rantau ini. Kemajuan serta kestabilan yang dinikmati sekarang adalah hasil dari perpaduan teguh kita. Marilah kita bersatu padu dalam menghadapi pengaruh segala anasir yang cuba mengancam kestabilan negara kita supaya kita semua dapat bersama-sama menikmati kekayaan negara ini.

Pemimpin-pemimpin politik, pegawai-pegawai Kerajaan, sektor swasta, kesatuan sekerja dan setiap golongan rakyat di kota dan desa, semuanya perlu berganding bahu dalam usaha memulihkan ekonomi negara. Nilai sesebuah negara itu dapat dilihat dari cara bagaimana ia menghadapi kesulitan. Kerajaan Barisan Nasional akan meningkatkan usaha bagi membina sebuah negara yang lebih makmur, bersatu padu dan disegani. Dengan fahaman, pengorbanan dan sokongan semua pihak dan kekuatan iman, Insya Allah kita akan berjaya, mengatasi semua masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

**Tuan Daim Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin, 27hb Oktober, 1986, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2).

Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 27hb Oktober, 1986.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.07 petang.*

## LAMPIRAN I

**Percukaian ke atas syarikat-syarikat insuran nyawa di Malaysia**

Percukaian ke atas syarikat-syarikat insuran nyawa adalah berbeza dari syarikat-syarikat lain iaitu berkaitan dengan prinsip asas cukai untuk memadamkan pendapatan dengan perbelanjaan yang dilakukan bagi menghasilkan pendapatan. Premium yang diterima oleh syarikat-syarikat insuran tidak dikenakan cukai sungguhpun komisen yang dibayar untuk mendapatkan premium itu dibenarkan sepenuhnya sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Untuk menyamakan taraf syarikat-syarikat insuran nyawa dengan syarikat-syarikat lain adalah dicadangkan:

- (i) komisen yang dibayar untuk mendapatkan premium tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun bagi membolehkan syarikat-syarikat baru mengukuhkan kedudukan mereka dan bagi syarikat-syarikat yang telah kukuh untuk membuat penyesuaian, cadangan ini akan dilaksanakan seperti berikut:

<i>Premium kasar yang dijangka terima</i>	<i>Tarikh berkuatkuasa di mana komisen tidak dibenarkan sebagai potongan</i>
(a) \$50 juta atau lebih . . . . .	Dari tahun taksiran 1988
(b) \$10 juta atau lebih tetapi kurang dari \$50 juta	Dari tahun taksiran 1990
(c) Kurang dari \$10 juta . . . . .	Dari tahun taksiran 1992

Premium kasar yang dijangka terima oleh syarikat-syarikat insuran dalam tahun asas bagi tahun taksiran 1986 akan digunakan sebagai asas untuk menentukan pembahagian kumpulan sepertimana dinyatakan di atas;

- (ii) perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan ibu pejabat hanya dibenarkan sebagai potongan, sekiranya perbelanjaan-perbelanjaan tersebut dapat menerbitkan hasil yang boleh dicukai.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1987.

## LAMPIRAN II

**Sekim potongan untuk pungutan cukai pendapatan**

Pada masa ini Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah Seksyen 107, Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuasa mengarahkan majikan untuk membuat potongan bagi tujuan cukai jumlah yang harus dibayar oleh seseorang pekerja bagi mana-mana tahun taksiran. Sebagai satu langkah untuk memperbaiki pungutan cukai pendapatan daripada pekerja-pekerja adalah dicadangkan:

- (i) sekim potongan gaji dimestikan bagi semua kes di mana jumlah cukai yang harus dibayar melebihi \$500/- bagi mana-mana tahun taksiran dan bagi kes-kes lain yang bersesuaian;
- (ii) seksyen 120 dipinda bagi mengambil tindakan terhadap majikan yang engkar.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1987.

## LAMPIRAN III

**Menarik balik pengecualian cukai ke atas pendapatan dari sewa rumah**

Seksyen 128 (1) (b) Akta Pendapatan 1967 memberi peruntukan pengecualian cukai ke atas pendapatan sewa rumah yang diterima oleh seseorang pekerja yang terpaksa mengosongkan tempat kediamannya disebabkan berpindah tempat kerja. Sebagai satu langkah untuk mengurangkan kebocoran di dalam sistem cukai adalah dicadangkan pengecualian ini ditarik balik.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1987.

## LAMPIRAN IV

**Kajian semula pengecualian cukai pendapatan di bawah Bahagian I dan II, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967**

Pada masa ini terdapat kebocoran di dalam pungutan cukai pendapatan yang wujud daripada banyak pengecualian yang diberi kepada institusi-institusi dan organisasi-organisasi. Sebagai langkah untuk mengurangkan kebocoran ini dan sebagai satu cara untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam adalah dicadangkan supaya Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 dipinda seperti berikut:

(i) *Bahagian I*

- (a) pengecualian pendapatan kepada "friendly society" ditarik balik; dan
- (b) pendapatan dividen yang diterima oleh "charitable organisations", "trade unions" dan "amateur sports organisations" tidak dikecualikan dari cukai.

- (ii) senarai institusi-institusi, perbadanan-perbadanan, orang-orang perseorangan dan kumpulan-kumpulan wang yang dikecualikan seperti dinyatakan di dalam Bahagian II, dimansuhkan.

Perbadanan-perbadanan dan institusi-institusi yang dimansuhkan daripada Bahagian II yang layak diberi pengecualian, akan diwartakan. Bagi perbadanan-perbadanan dan institusi-institusi yang tidak diwartakan bolehlah membuat permohonan untuk mendapatkan pengecualian dan akan dipertimbangkan mengikut kelayakan sesuatu kes. Pengecualian yang diberi tidak termasuk pendapatan dividen dan cukai pembangunan.

Cadangan di perenggan 1 (i) berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1987 dan di perenggan 1 (ii) mulai tahun taksiran 1988.

## LAMPIRAN V

**Pindaan-pindaan ke atas Akta Penggalakan Pelaburan 1986**

Di dalam Belanjawan lalu ciri-ciri penting mengenai galakan pelaburan telah diumumkan dan seterusnya Akta Penggalakan Pelaburan 1986 telah diluluskan pada awal tahun ini. Untuk terus menggalakkan lagi pelaburan swasta terutama

sekali industri-industri yang berorientasikan eksport adalah dicadangkan supaya Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang sedia ada dipinda seperti berikut:

- (i) galakan eksport berdasarkan nilai ditambah dimansuhkan dan digantikan dengan galakan eksport berdasarkan nilai eksport sahaja. Satu peruntukan diadakan untuk mengurangkan pendapatan larasan sehingga 50% berdasarkan kepada tingkat prestasi syarikat dalam eksport berbanding dengan jumlah hasil;
- (ii) potongan sebanyak 5% daripada pendapatan larasan bagi penggunaan bahan-bahan Malaysia dimansuhkan;
- (iii) elaun eksport sebanyak 5% daripada eksport berdasarkan nilai FOB diberi kepada syarikat perdagangan yang mengeksport keluaran-keluaran syarikat perkilangan;
- (iv) pengurangan sebanyak 5% daripada pendapatan larasan bagi syarikat perkilangan yang kecil yang mematuhi DEB dibatalkan dan digantikan dengan pengurangan sebanyak 5% daripada pendapatan larasan bagi semua syarikat perkilangan yang berjaya mematuhi DEB pada atau selepas 1-1-1986 (tidak termasuk yang telah mematuhi sebelum 1-1-1986); dan
- (v) taraf perintis boleh dinikmati sehingga 10 tahun bagi syarikat-syarikat baru dan dibuat secara terpilih.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1987.

#### LAMPIRAN VI

##### **Kajian semula Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984**

Sebagai satu langkah untuk memperbaiki lagi perjalanan pentadbiran cukai pemindahan syer dan untuk memastikan pertumbuhan syarikat-syarikat yang tulin menerusi pemindahan syer tidak terhalang disebabkan oleh cukai ini, adalah dicadangkan supaya:

- (i) definisi syarikat-syarikat berasaskan tanah dipinda di mana syarikat-syarikat tidak dianggap sebagai syarikat yang berasaskan tanah sekiranya sebahagian daripada premisnya yang disewakan atau boleh disewakan adalah tidak melebihi 10% dari jumlah keseluruhan keluasan premis;
- (ii) Seksyen 4A dipinda untuk membolehkan pengecualian dibuat bagi kes:
  - (a) kumpulan syarikat yang menyusun semula untuk tujuan kecekapan di mana hakmilik sebenar bagi harta yang boleh dicukai tidak berubah;
  - (b) di mana pemindahan harta di antara seseorang (individu-individu dan syarikat-syarikat) di dalam bentuk penyusunan semula, perombakan semula atau percantuman adalah sejajar dengan DEB; dan
  - (c) di mana syarikat yang memindah syer atau syarikat yang menerima syer menyusun semula sejajar dengan DEB;
- (iii) Seksyen 5 dipinda dengan menggantikan "proviso" di mana bagi kes pelupusan harta yang melebihi nilai lima juta ringgit dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing, tarikh kelulusan Jawatankuasa dikira sebagai tarikh pelupusan;
- (iv) kadar cukai diturunkan dari 10% kepada 2% daripada nilai pasaran kasar.

Cadangan ini berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

## LAMPIRAN VII

**Mengurangkan kadar cukai keuntungan harta tanah**

Sebagai langkah untuk mempercepatkan pertumbuhan sektor perumahan di samping untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti di dalam pasaran harta, adalah dicadangkan kadar cukai keuntungan harta tanah dikurangkan seperti berikut:

<i>Tarikh pelupusan</i>	<i>Kadar cukai (syarikat-syarikat pemastautin dan bukan pemastautin)</i>	<i>Kadar cukai (individu pemastautin dan bukan pemastautin)</i>
(i) Tahun pertama dan kedua selepas tarikh diperolehi ..	20%	20%
(ii) Tahun ketiga ..	15%	15%
(iii) Tahun Keempat ..	10%	10%
(iv) Tahun kelima ..	5%	5%
(v) Tahun Keenam dan seterusnya.	5%	Tidak dikenakan cukai

Cadangan ini mula berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

## LAMPIRAN VIII

**Kajian semula Seksyen 15 Ordinan Setem 1949 dan Ordinan Setem (Sabah)**

Sebagai satu langkah untuk mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan badan-badan perniagaan adalah dicadangkan supaya Seksyen 15 Ordinan Setem 1949 dan Ordinan Setem (Sabah) dipinda:

- (i) untuk membenarkan duti setem dikecualikan tidak hanya bagi kes-kes di mana syarikat menyusun semula atau bercantum mengikut dasar Kerajaan berhubung dengan penyertaan modal tetapi juga bagi kes-kes untuk tujuan meningkatkan kecekapan dan perkembangan; dan
- (ii) untuk memastikan syarikat-syarikat yang membuat penyusunan semula dan percantuman mengikut dasar Kerajaan berhubung dengan penyertaan modal tidak dikenakan syarat dikehendaki memegang syer yang diterima selama dua tahun.

Cadangan ini mula berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

## LAMPIRAN IX

**Memperluaskan skop pinjaman yang diluluskan**

Faedah yang dibayar kepada bukan pemastautin di atas pinjaman yang diluluskan dikecualikan dari 20% cukai pegangan. Di dalam Belanjawan 1986 istilah "pinjaman yang diluluskan" telah ditakrifkan dengan maksud pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun atau pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan. Sebagai langkah untuk memastikan kedapatan jumlah kewangan yang mencukupi untuk membiayai

projek-projek pembangunan yang besar adalah dicadangkan definisi bagi pinjaman yang diluluskan ditakrifkan semula, iaitu:

- (i) pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun atau pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan; atau
- (ii) pinjaman-pinjaman yang melebihi 250 juta ringgit; dan
- (iii) kedua-dua (i) dan (ii) hendaklah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Cadangan ini berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

#### LAMPIRAN X

##### **Pengecualian cukai ke atas pampasan kerana kehilangan kerja**

Pada masa ini pengecualian cukai ke atas pampasan kerana kehilangan kerja dihadkan sebanyak \$2,000 bagi setiap tahun genap tempoh perkhidmatan. Paras pengecualian ini telah ditetapkan dalam tahun 1967. Untuk memberi jumlah pelepasan yang lebih tinggi lagi kepada pekerja-pekerja yang mana perkhidmatannya ditamatkan, adalah dicadangkan supaya paras pengecualian ini dinaikkan dari \$2,000 kepada \$4,000 bagi setiap tahun genap tempoh perkhidmatan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1987.

#### LAMPIRAN XI

##### **Potongan dua kali bagi latihan yang diluluskan**

Pada masa ini perbelanjaan ke atas latihan dibenarkan sebagai potongan di dalam perkiraan cukai pendapatan syarikat. Untuk menggalakkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih bermakna di dalam pembangunan gunatenaga, adalah dicadangkan potongan dua kali dibenarkan di atas perbelanjaan yang telah dilakukan oleh sektor swasta bagi latihan yang diluluskan. Galakan ini adalah dikhususkan kepada sektor perkilangan sahaja.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1988.

#### LAMPIRAN XII

##### **Pengecualian cukai pendapatan ke atas simpanan tabungan dengan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan**

Pada masa sekarang sebagai langkah untuk menggalakkan seseorang individu menyimpan wang, pengecualian cukai diberi ke atas semua faedah dari simpanan tabungan dengan Bank Simpanan Nasional dan Lembaga Urusan Tabung Haji, faedah daripada simpanan tabungan sehingga \$10,000 dengan pertubuhan kerjasama yang berdaftar, Bank Pertanian dan Malaysia Building Society Berhad atau lain-lain institusi kewangan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Bagi simpanan tabungan dengan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan pula pengecualian cukai diberi bagi simpanan tabungan sehingga \$1,000.

Bagi memperbaiki lagi kedudukan mudahtunai dalam sistem kewangan adalah dicadangkan had maksima simpanan tabungan yang dikecualikan dari cukai dinaikkan dari \$1,000 kepada \$5,000.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1988.

## LAMPIRAN XIII

**Memansuhkan Seksyen 13 Akta Cukai Sewa Filem Cinematograph 1965**

Sebagai satu langkah untuk memperbaiki urusan pentadbiran cukai sewa filem cinematograph adalah dicadangkan Seksyen 13 Akta, berkaitan dengan kelulusan yang diperlukan dari Menteri Kewangan untuk menaikkan harga tiket masuk pawagam dimansuhkan.

Cadangan ini berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

## LAMPIRAN XIV

**Pindaan-pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967**

Sebagai satu langkah untuk memperbaiki lagi perjalanan pentadbiran cukai pendapatan, adalah dicadangkan pindaan-pindaan seperti berikut hendaklah dibuat ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu:

- (i) Seksyen 4A, 15A, 109B dan Bahagian I Jadual I dipinda untuk membolehkan cukai pegangan dikenakan ke atas sewa filem yang tidak tertakluk di bawah "Cinematograph Filem Hire Duty 1965";
- (ii) Seksyen 15 dipinda untuk membolehkan cukai pegangan dikenakan ke atas bayaran faedah dan royalti yang dibayar oleh seseorang bukan pemastautin yang lain di mana bayaran berkenaan dibenarkan sebagai potongan dari pendapatan;
- (iii) Seksyen 44 (7) dipinda untuk membolehkan pelepasan cukai bagi derma-derma kepada institusi bantuan Kerajaan yang menjalankan kajian penyelidikan di dalam bidang sosio-ekonomi;
- (iv) Perkataan royalti di bawah seksyen 107A dimansuhkan;
- (v) Seksyen 109 (1) dipinda untuk membolehkan cukai pegangan dikenakan ke atas bayaran royalti atau faedah yang dibuat kepada bukan pemastautin;
- (vi) Seksyen 153 dipinda untuk menghendaki jururunding cukai membayar yuran di atas permohonan bagi mendapat kelulusan atau memperbaharui kelulusan menjadi akauntan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (vii) Menggantikan perbelanjaan tanaman dengan perbelanjaan pertanian di dalam perenggan 6, Jadual 3.

## LAMPIRAN XV

**Pindaan-pindaan ke atas Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976**

Sebagai satu langkah untuk memberi layanan yang sama ke atas urusan kewangan dan bank yang sejajar dengan Syariah dan untuk memperbaiki lagi perjalanan pentadbiran, adalah dicadangkan supaya Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dipinda seperti berikut:

- (i) definisi "an Islamic Bank" dipinda untuk merangkumi seseorang yang menjalankan urusan kewangan atau bank mengikut Syariah; dan

- (ii) memasukan proviso kepada seksyen 45 (4) di mana "Senior Assistant" dan "Assistant Directors" Jabatan Hasil Dalam Negeri diberi kuasa untuk membenarkan kes-kes bagi "prosecution".

Cadangan ini berkuatkuasa dari hari Belanjawan.

#### LAMPIRAN XVI

##### **Cadangan untuk mengubah struktur duti eksport ke atas minyak kelapa sawit**

Pengeksportan minyak kelapa sawit menghadapi persaingan yang hebat bukan sahaja dari 18 jenis minyak makan lain bahkan juga dari minyak kelapa sawit dari negara-negara lain. Satu dari kesan persaingan ini adalah kelebihan stok minyak kelapa sawit di dalam negeri. Untuk mengurangkan masalah di atas serta menggalakkan pengeksportan minyak kelapa sawit adalah dicadangkan supaya struktur duti eksport diubahkan seperti berikut:

- (i) menurunkan kadar duti marginal sebanyak 20 peratus supaya kadar maksima sekarang 30 peratus sahaja;
- (ii) mengubahsuaikan "price band" dari \$49.21 setan kepada \$50 setan.

Dengan perubahan-perubahan di atas struktur duti eksport baru atas minyak kelapa sawit adalah seperti berikut:

Atas \$500.00 setan yang pertama .....	a.v.	Tiada
Atas \$ 50.00 setan yang berikutnya .....	a.v.	10%
Atas \$ 50.00 setan yang berikutnya .....	a.v.	15%
Atas \$ 50.00 setan yang berikutnya .....	a.v.	20%
Atas \$ 50.00 setan yang berikutnya .....	a.v.	25%
Atas bakinya .....	a.v.	30%

2. Cadangan ini tidak melibatkan duti eksport atas minyak kelapa sawit yang diproses kerana duti atasnya telah pun digantung mulai 29hb Ogos, 1986.

#### LAMPIRAN XVII

##### **Cadangan untuk mengenakan cukai jualan 15 peratus ke atas rokok dan minuman keras**

Untuk menambahkan hasil dan atas sebab-sebab kesihatan, adalah dicadangkan supaya cukai jualan ke atas rokok dan minuman keras dinaikkan kepada 15 peratus seperti berikut:

<i>Kod Tariff</i>	<i>Keterangan</i>
22.03	<b>Beer made from malt:</b>
	Beer and ale:
110	not exceeding 10% proof spirit.
190	other.
	Stout and porter:
210	not exceeding 10% proof spirit.
290	other

- 22.04 000 **Grape must, in fermentation or with fermentation arrested otherwise than by the addition of alcohol.**
- 22.05 **Wine of fresh grapes; grape must with fermentation arrested by the addition of alcohol:**
- Still wines:
- 110 not exceeding 15° G.L. (or 26° proof spirit).
- 120 exceeding 15° G.L. (or 26° proof spirit) but not exceeding 24° G.L. (or 42° proof spirit).
- 130 exceeding 24° G.L. (or 42° proof spirit).
- Sparkling wines:
- 310 not exceeding 240° G.L. (or 42° proof spirit).
- 320 exceeding 240° G.L. (or 42° proof spirit).
- 22.06 **Vermouths and other wines of fresh grapes flavoured with aromatic extracts:**
- | <i>BTN Code</i> | <i>Description</i>   |
|-----------------|--|
| 100             | Not exceeding 15° G.L. (or 26° proof spirit).  |
| 200             | Exceeding 15° G.L. (or 26° proof spirit) but not exceeding 24° G.L. (or 42° proof spirit). |
| 300             | Exceeding 24° G.L. (or 42° proof spirit).  |
- 22.07 **Other fermented beverages (for example, cider, perry and mead):**
- 100 Cider and perry.
- 200 Sake (rice wine).
- 300 Mead.
- 400 Wines obtained by the fermentation of fruit (except fresh grapes) juices and of vegetable juices.
- 900 Other (excluding toddy, other than canned or bottled toddy).
- 22.08 **Ethyl alcohol or neutral spirits, undenatured, of a strength of 80° G.L. (or 140° proof) or higher; denatured spirits (including ethyl alcohol and neutral spirits) of any strength:**
- 100 Ethyl alcohol, undenatured, of a strength of 80° G.L. (or 140° proof) or higher.
- 22.09 **Spirits (other than those of heading No.22.08); liqueurs and other spirituous beverages; compound alcoholic preparations (known as "concentrated extracts") for the manufacture of beverages:**
- Whisky:
- 110 in bottle, not exceeding 46° G.L. (or 81° proof spirit).

190	other.
	Spirits obtained by distilling wine or grape marc:
	brandy:
211	in bottle, not exceeding 46° G.L. (or 81° proof spirit).
<i>BTN Code</i>	<i>Description</i>
219	other.
290	other.
	Other:
	gin:
911	in bottle, not exceeding 46° G.L. (or 81° proof spirit).
919	other.
	rum:
921	in bottle, not exceeding 46° G.L. (or 81° proof spirit).
929	other.
930	liqueurs, bitters and similar beverages not exceeding 57° G.L. (or 100% proof spirit).
940	samsoo (including medicated samsoo).
950	arrack, and pineapple spirit.
	Vodka:
961	in bottle not exceeding 46° G.L. (or 81° proof spirit).
969	other.
970	other spiritious beverages.
980	compound alcoholic preparations (concentrated extracts) for the preparation of beverages.
24.02	<b>Manufactured tobacco, tobacco extracts and essences.</b>
100	Cigars and cheroots, cigarillos.
200	Cigarettes.

## LAMPIRAN XVIII

**Pengurangan duti import atas bahan-bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara ini**

Sebagai langkah berterusan untuk membolehkan pengilang-pengilang mendapat bahan-bahan mentah dan komponen dengan mudah adalah dicadangkan supaya

kadar duti import atas beberapa jenis bahan-bahan mentah dan komponen diturunkan kepada 2 peratus seperti berikut:

<i>Kod Tariff</i>	<i>Keterangan</i>
	Maize:
11.02 959	Other.
11.07 000	Malt, roasted or not.
29.19 000	Phosphoric esters and their salts, including lacto-phosphates and their halogenated, sulphonated, nitrated or nitrosated derivatives.
29.25	Carboxamide—function compounds, amide function compound of carbonic acid.
900	Other.
29.35	Heterocyclic compounds, nucleic acids.
100	Lactams.
990	Other.
69.03 000	Other refractory goods (for example, retorts, crucibles, muffles, nozzles, plugs, supports, cupels, tubes, pipes sheaths and rods), other than goods falling within heading No. 69.01.
70.20	Glass fibre (including wool), yarns, fabrics and articles made therefrom:
	Other:
	Fibre (including wool).
	other:
929	other.
74.08	Tube and pipe fittings (for example, joints, elbows, sockets and flanges), of copper:
100	of unalloyed copper.
200	of brass.
84.22	Lifting, handling, loading or unloading machinery telfers and conveyors (for example, lifts, hoists, winches, cranes, transporter cranes, jacks, pulley tackles, belt conveyors and teleferics), not being machinery falling within heading No. 84.23:
120	Electric hoists.
84.61	Taps, cocks, valves and similar appliances, for pipes, boiler shells, tanks, vats and the like, including pressure reducing valves and thermostatically controlled valves:
	Of copper or copper alloy:
	other:
299	of over 2.5 cm in internal diameter.

- 84.62      Ball, roller or needle roller bearing:  
           100      Bearings.  
           900      Parts.
- 85.21      Thermionic, cold cathode and photo-cathode valves and tubes  
           (including vapour or gas filled valves and tubes, cathode-ray tubes,  
           television camera tubes and mercury arc rectifying valves and  
           tubes); photocells; mounted piezo-electric crystals; diodes,  
           transistors and similar semi-conductor devices; light emitting  
           diodes, electronic microcircuits:  
           100      Cathode-ray television picture tubes.  
           500      Piezo-electric crystals, mounted.
- 91.06 000   Time switches with clock or watch movement (including secondary  
           movement) or with synchronous motor.

## LAMPIRAN XIX

**Galakan untuk pengeksporth-pengeksporth tidak langsung**

Pada masa sekarang galakan dalam bentuk pengecualian cukai atas bahan mentah dan komponen yang digunakan untuk mengeluarkan barangan siap dapat dinikmati oleh pengeksporth langsung.

Dengan pengenalan kemudahan surat jaminan kredit tempatan di bawah fasa kedua Sekim Pembiayaan Semula Kredit Eksport, pengecualian duti import akan diberi kepada pengilang yang mengeluarkan komponen atau input yang digunakan oleh pengeksporth langsung. Langkah ini berkuatkuasa apabila fasa kedua Sekim Pembiayaan Semula Kredit Eksport dilaksanakan.

## LAMPIRAN XX

**Pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975**

Adalah perlu beberapa pindaan dibuat kepada Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 untuk memperkemas dan memperketatkan lagi pentadbiran kedua-dua Akta tersebut. Oleh itu adalah dicadangkan supaya pindaan-pindaan dibuat kepada kedua-dua Akta seperti berikut:

**AKTA CUKAI JUALAN 1972****(i) Seksyen 7 (3)**

Seksyen ini dibatalkan kerana dengan penghapusan cukai jualan ke atas barang-barang emas sejak 21-10-1983 seksyen ini adalah tidak berfungsi lagi. Pembatalan ini adalah perlu untuk mengelak penyalahgunaannya oleh pengilang-pengilang lain serta menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil.

(ii) *Seksyen 11*

Pindaan ini adalah untuk membolehkan pihak Kastam mengenakan cukai jualan berasaskan kepada nilai semasa (current value) sekiranya berlaku pelanggaran syarat-syarat pemberian pengecualian atau pulangan balik dan bukannya seperti sekarang di mana cukai itu dikenakan pada masa pengecualian diberi atau pulangan balik diarahkan.

(iii) *Seksyen 13 (2)*

Adalah perlu peruntukan "atau mana-mana orang lain yang menjalankan urusan" dibatalkan untuk menyelaraskan seksyen ini dengan seksyen 7 (3) di atas.

(iv) *Seksyen 24 (b)*

Pindaan ini adalah untuk mengenakan "limit" 50% ke atas penalti yang boleh dikenakan ke atas sesuatu pelesen sekiranya gagal membuat bayaran cukai jualan dalam masa yang ditetapkan. Pada masa sekarang tidak ada "limit" ke atas penalti itu dan ini membangkitkan beberapa masalah pentadbiran dan penguatkuasaan kepada Jabatan Kastam.

(v) *Seksyen 30*

Pindaan ini adalah untuk membolehkan pihak Kastam menahan dan melelong barang-barang sekiranya seseorang pelesen gagal membayar cukai jualan. Peruntukan yang sedia ada membenarkan pihak Kastam menahan barang-barang itu sahaja dan ini tidak memberi faedah kepada mana-mana pihak, sama ada pelesen ataupun Jabatan Kastam.

## **AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975**

### *Seksyen 16*

Seperti dicadangkan untuk Akta Cukai Jualan pindaan ini adalah untuk mengenakan "limit" ke atas penalti yang boleh dikenakan sekiranya seseorang pelesen gagal membayar cukai perkhidmatan.

## **LAMPIRAN XXI**

### **Cadangan untuk menghapuskan duti eksport atas ternakan lembu hidup**

Sejak sistem makan feed-lot diperkenalkan (yang melibatkan 400 penternak dan lebih kurang 8,000 ekor lembu daging) 900 tan metrik daging telah dikeluarkan. Di bawah program ini adalah dianggarkan sebanyak 16,400 tan daging akan dikeluarkan sehingga tahun 1990, 18,700 tan sehingga tahun 1995 dan 21,700 tan sehingga tahun 2000.

Bertujuan menggalakkan pengusaha-pengusaha lembu menerokai dan menembusi pasaran-pasaran di luar negeri, adalah dicadangkan supaya duti eksport 5 peratus ke atas lembu hidup dihapuskan. Langkah ini tidak akan menjejaskan bekalan dan harga tempatan kerana punca bekalan dari negara-negara lain adalah stabil dan murah.

## LAMPIRAN XXII

**Cadangan untuk menghapuskan semua duti atas beberapa jenis alat  
yang digunakan oleh pesakit kencing manis**

Pada masa sekarang terdapat lebih kurang 280,000 pesakit kencing manis dalam negara ini. Pesakit-pesakit ini memerlukan alat "self-monitoring" seperti "blood glucose strips, blood glucose meters" dan "urin testing strips". Mereka juga memerlukan alat-alat "self-administrating" seperti "diabetes injections needles/ insulin syringes, diabetes injection pens, insulin pump equipment" dll. Semua alat tersebut adalah tertakluk kepada duti import kerana tidak dikeluarkan di dalam negara. Memandangkan kepada ini dan atas alasan perikemanusiaan, adalah dicadangkan supaya semua duti atas alat-alat tersebut dihapuskan seperti berikut:

				<i>Sekarang</i>	<i>Cadangan</i>
38.19	900	alat-alat self-monitoring	Duti import	3%	Nil
			Cukai Jualan	10%	Nil
90.17	310	alat-alat self-administrating	Duti import	5%	Nil
			Cukai Jualan	10%	Nil